



DEKATKAN DIRI ... Irwin (kiri sekali) bersama pemimpin ketika menghadiri program Hari Sukan Sekampung di Kampung Sungai Miri baru-baru ini.



PENYOKONG ... Irwin (t-shir puteh) bersama penyokongnya dalam satu program yang dianjurkan oleh YOL.

Irwin M.D Ker tawar diri Ahli Parlimen Belia W.P. Labuan

BELIA BERKERJAYA HARAPAN NEGARA

Profile:
 Alumni AIESECER
 Member of Toast Master
 Kelana Scout
 Member of Dewan Usahawan Melayu Labuan (DUML)
 Member of Labuan Society
 President of Marketing Club Curtin University
 Founder Youth of Labuan

WL002
IRWIN M.D. KER
LABUAN

UNDILAH SAYA DI PORTAL
www.parlimenbelia.com.my

✉ zack.ker@gmail.com

☎ 010-9431197

#youthoflabuan

POSTER ... Irwin M.D. Ker Calon Ahli Parlimen Belia Wilayah Persekutuan Labuan, dengan nombor calon WL002.

LABUAN: Pengasas Youth Of Labuan (YOL), Irwin M.D. Ker tampil menawarkan diri untuk bertanding sebagai Ahli Parlimen Belia Wilayah Persekutuan Labuan bagi sesi 2017/2018.

Irwin, 29, memiliki Master of Marketing dari Universiti Curtin Australia bukan sahaja bercita-cita untuk memartabatkan belia sebagai pewaris negara yang cemerlang di masa hadapan tetapi juga belia yang bekerjaya disamping sanggup menjadi benteng dalam mengharungi cabaran negara.

“Adalah menjadi cita-cita saya untuk menjadikan golongan belia yang ada hari ini sebagai sebuah organisasi yang mampu mewarisi kepimpinan negara selain menjadikan belia sebagai insan yang sentiasa memahami terhadap keperluan negara dan belia yang berkerjaya,” katanya.

Namun katanya, untuk merealisasikan apa yang di ingini bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia memerlukan program berstrategi yang lebih tersusun dan terancang.

Justeru itulah beliau telah mengariskan beberapa panduan selain turun padang untuk memartabatkan belia antaranya membantu meningkatkan peluang-peluang pekerjaan menerusi keusahawanan dan bidang perniagaan.

Meningkatkan motivasi dan mempelbagaikan bengkel bermanfaat untuk mengelakkan belia daripada terjebak dalam kegiatan yang tidak sihat seperti gejala penyalahgunaan dadah.

Malah katanya, jika terpilih sebagai Ahli Parlimen Belia akan membawa belia bekerjasama dengan pihak-pihak berwajib untuk sama-sama menangani dan membanteras



MOTIVASI ... Irwin ketika menyampaikan motivasi kepada pelajar sekolah menerusi program YOL.

kegiatan jenayah khususnya yang melibatkan generasi belia.

Beliau yang memegang nombor calon WL002 dengan manifesto ‘Belia Bekerjaya Harapan Negara’ juga mempunyai misi untuk mewujudkan belia yang penyayang, prihatin dan mempunyai nilai-nilai murni dalam setiap komuniti.

Presiden Pemasaran Kelab Universiti Curtin Australia itu juga menterjemahkan harapannya untuk terus memperjuangkan dan berbakti kepada negara disamping menyambung kesinambungan kepimpinan yang sedia ada.

“InsyAllah dengan pengalaman saya ketika belajar di luar negara serta dalam memimpin beberapa badan NGO akan dapat membantu memperjuangkan isu-isu belia muda agar apa juga keinginan anak muda tetap mendapat

perhatian dan diberi keutamaan dalam kerajaan”katanya.

Selain itu, Irwin yang juga Pengasas Master Plan Hub dan I Master Global Sdn. Bhd, berkata Parlimen Belia yang diwujudkan oleh kerajaan merupakan wadah terbaik bagi membawa isu-isu yang dibangkitkan oleh golongan belia untuk dirungkai dalam Parlimen Belia dengan hujah-hujah yang bernas dan idea yang baru seiring dengan pembangunan negara.

Dalam waktu yang sama, beliau yang mengharapkan sokongan dari seluruh belia di Wilayah Persekutuan Labuan sambil mengingatkan golongan belia agar mendaftar dan mendapatkan maklumat lanjut Parlimen Belia dengan melayari Parlimen Belia di www.parlimenbelia.gov.my. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN**



DEKATKAN DIRI ... Irwin (kiri sekali) bersama pemimpin ketika menghadiri program Hari Sukan Sekampung di Kampung Sungai Miri baru-baru ini.



PENYOKONG ... Irwin (t-shirt putih) bersama penyokongnya dalam satu program yang dianjurkan oleh YOL.

Irwin M.D Ker tawar diri Ahli Parlimen Belia W.P. Labuan

BELIA BERKERJAYA HARAPAN NEGARA

Profile:
 Alumni AIESECER
 Member of Toast Master
 Kelana Scout
 Member of Dewan Usahawan Malaysia Labuan (DUML)
 Member of Labuan Society
 President of Marketing Club Curtin University
 Founder Youth of Labuan

WL002
 IRWIN M.D. KER
 LABUAN

UNDILAH SAYA DI PORTAL
www.parlimenbelia.com.my

✉ zackker@gmail.com
 ☎ 010-9411117
 #youthoflabuan

POSTER ... Irwin M.D. Ker Calon Ahli Parlimen Belia Wilayah Persekutuan Labuan, dengan nombor calon WL002.

LABUAN: Pengasas Youth Of Labuan (YOL), Irwin M.D. Ker tampil menawarkan diri untuk bertanding sebagai Ahli Parlimen Belia Wilayah Persekutuan Labuan bagi sesi 2017/2018.

Irwin, 29, memiliki Master of Marketing dari Universiti Curtin Australia bukan sahaja bercita-cita untuk memartabatkan belia sebagai pewaris negara yang cemerlang di masa hadapan tetapi juga belia yang berkerjaya disamping sanggup menjadi benting dalam mengharungi cabaran negara.

"Adalah menjadi cita-cita saya untuk menjadikan golongan belia yang ada hari ini sebagai sebuah organisasi yang mampu mewarisi kepimpinan negara selain menjadikan belia sebagai insan yang sentiasa memahami terhadap keperluan negara dan belia yang berkerjaya," katanya.

Namun katanya, untuk merealisasikan apa yang di ingini bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia memerlukan program berstrategi yang lebih tersusun dan terancang.

Justeru itulah beliau telah mengariskan beberapa panduan selain turun padang untuk memartabatkan belia antaranya membantu meningkatkan peluang-peluang pekerjaan menerusi keusahawanan dan bidang perniagaan.

Meningkatkan motivasi dan mempelbagaikan bengkel bermanfaat untuk mengelakkan belia daripada terjebak dalam kegiatan yang tidak sihat seperti gejala penyalahgunaan dadah.

Malah katanya, jika terpilih sebagai Ahli Parlimen Belia akan membawa belia bekerjasama dengan pihak-pihak berwajib untuk sama-sama menangani dan membanteras



MOTIVASI ... Irwin ketika menyampaikan motivasi kepada pelajar sekolah menerusi program YOL.

kegiatan jenayah khususnya yang melibatkan generasi belia.

Beliau yang memegang nombor calon WL002 dengan manifesto 'Belia Berkerjaya Harapan Negara' juga mempunyai misi untuk mewujudkan belia yang penyayang, prihatin dan mempunyai nilai-nilai murni dalam setiap komuniti.

Presiden Pemasaran Kelab Universiti Curtin Australia itu juga menterjemahkan harapannya untuk terus memperjuangkan dan berbakti kepada negara disamping menyambung kesinambungan kepimpinan yang sedia ada.

"InsyAllah dengan pengalaman saya ketika belajar di luar negara serta dalam memimpin beberapa badan NGO akan dapat membantu memperjuangkan isu-isu belia muda agar apa juga keinginan anak muda tetap mendapat

perhatian dan diberi keutamaan dalam kerajaan" katanya.

Selain itu, Irwin yang juga Pengasas Master Plan Hub dan I Master Global Sdn. Bhd, berkata Parlimen Belia yang diwujudkan oleh kerajaan merupakan wadah terbaik bagi membawa isu-isu yang dibangkitkan oleh golongan belia untuk dirungkai dalam Parlimen Belia dengan hujah-hujah yang bernas dan idea yang baru seiring dengan pembangunan negara.

Dalam waktu yang sama, beliau yang mengharapkan sokongan dari seluruh belia di Wilayah Persekutuan Labuan sambil mengingatkan golongan belia agar mendaftar dan mendapatkan maklumat lanjut Parlimen Belia dengan melayari Parlimen Belia di www.parlimenbelia.gov.my. -OLEH JAINUDIN DJIMIN